



**Institusi Pendidikan dan Keluarga Islam:
Cabaran Terhadap Peranan Bapa**

Siti Halimah Putung

Pengenalan

Memberikan pendidikan dan bimbingan terbaik merupakan peranan penting setiap bapa dalam keluarga. Bapa yang melaksanakan pertanggungjawabannya secara makruf dapat membina keperibadian anak-anak yang berlunaskan jati diri keagamaan. Fungsi konstruktif pendidikan dalam keluarga selalu dikaitkan dengan peranan ibu berbanding bapa, meskipun bapa merupakan pemimpin utama dalam keluarga. Bapalah yang memegang teraju kepemimpinan terpenting demi memastikan anak-anak dan isterinya terdidik dengan nilai Islam sekaligus terhindar daripada kemungkaran, kemaksiatan, kefasiqan dan kefasadan. Al-Quran sendiri memotretkan watak kebapaan yang sangat vitalistik dalam pendidikan anaknya, semisal Luqman al-Hakim, Nabi Ayub (as) dan Nabi Ibrahim (as). Sehubungan itu, penulis akan mencaknai pelbagai amalan kritalistik yang harus dipraktikkan bapa untuk mendidik anak salih dan salihah, dengan berpasakkan wejangan Islam dalam ranah kehidupan seharian. Andai bapa tersilap didikan, belum tentu anak-anak hidup sebagai manusia, kendatipun mereka dilahirkan sebagai manusia.

Falsafah, Amanah dan Tanggungjawab

Berdasarkan falsafah dan pendidikan Islam, antara peranan utama bapa sebagai peneraju kepemimpinan keluarga adalah dengan membentengi seluruh ahli keluarganya daripada terjerumus dalam lembah syaitanisme yang mengakibatkan kemurkaan Allah (SWT) iaitu melanggar larangan dan mengabaikan perintah Islam. Untuk menggerakkan peranan kebapaan ini, bapalah yang wajib menuangcurahkan ilmu keagamaan kepada anak-anaknya secara tuntas dan memastikan mereka melaksanakan perintah agama serta menjauhi larangan Allah (SWT) dan Rasulullah (SAW). Firman Allah (SWT):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Wahai golongan beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka (al-Tahrim, 66: 6).

Menerusi ayat di atas, Allah (SWT) memerintahkan suami (dan ayah) sebagai pemimpin keluarga untuk memelihara seteguh-seteguhnya dirinya dan ahli keluarganya daripada terjebak ke lembah azab neraka yang pedih lagi perit. Apakah makna “memelihara”? Kalimah ini – memelihara segenap ahli keluarga daripada bakaran api neraka – menurut mufasir muktabar al-Tabari dan jumhur mufasir (klasik serta kontemporari) merujuk kepada membimbing ahli keluarga dan mendidik mereka agar meneguhi seikhlasnya amalan makruf dan mencegah mereka daripada mendekati apatah lagi terperangkap dengan kemaksiatan (Al-Tabari, 2000). Seorang pemimpin tidak akan selamat di hadapan Allah (SWT) melainkan dia, isteri (atau para isteri) dan anak-anaknya melaksanakan segala perintah-Nya (Al-Sa’di, 2002). Dalam konteks ini, peranan bapa terasa amat berat kerana tidak ada seorang bapa pun yang dapat melepaskan dirinya daripada pertanggungjawaban kebapaan dan perhitungan-Nya. Sebagai contohnya, bapalah yang seharusnya mengajarkan ahli keluarganya mendirikan solat:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya (Thaha, 20:132).

Menurut al-Ghazali, suamilah yang wajib mengajar isterinya hukum-hakam solat dan ketakwaan kepada Allah (SWT). Begitu juga dengan anak-anaknya. Jika suami (dan bapa) tidak mampu mengajarkannya sendiri, dia wajib menanggung pembiayaan isteri dan anak-anaknya untuk menuntut ilmu agama. Ini bermakna, jika suami (dan bapa) itu sendiri tidak mampu mengajar atau memberikan pendidikan agama kepada isteri dan anak-anak, maka seorang bapa wajib membayar pihak lain untuk memberikan pendidikan agama kepada isteri dan anak-anaknya (al-Ghazali 2005). Ini memperlihatkan betapa pentingnya pendidikan agama kepada isteri dan anak-anak kerana agama ialah ibu segala ubat dalam kehidupan duniawi yang penuh dengan kelicikan tipu muslihat. Ibu bapa tidak seharusnya menitikberatkan pendidikan sekular sahaja, bahkan pendidikan agamalah umbi segala

pendidikan. Islamlah agama yang dengannya kita hidup dan dengannya kita mati untuk menghadap Allah (SWT). Islam ialah agama dunia dan agama akhirat.

Pendidikan agama yang dicurahkan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi akan mempengaruhi kehidupan beragama mereka pada masa hadapan sehinggalah bapa dapat memperkasakan keperibadian (pemikiran dan sikap) mereka berpasakkan nilai-nilai Islamik, malah menjadi benteng ampuh untuk menghadapi kerencaman pengaruh negatif kehidupan duniawi. Kebanyakan anak terjebak dalam kegiatan negatif kerana ibu bapa mengabaikan pendidikan agama (A. Yani, 2016). Mereka hanya beragama dalam bentuk kulitnya sahaja, namun isinya hampas. Setelah dewasa, mereka inilah yang paling dikhuatiri menjadi kaum jahil lagi zindik – pelampau agama. Lantaran itu, bapalah yang merupakan payung pernaungan kepada anak-anaknya.

Benih Pengasuhan dan Tunas Pendidikan

Sungguhpun ilmu keagamaan sangat penting, namun mereka perlu diberikan bimbingan dan didikan untuk melaksanakan ajaran agama, seperti melaksanakan ibadah wajib dan sunat dalam Islam secara istiqamah. Memberi pendidikan agama secara formal dan sistematik kepada anak-anak tidaklah menjamin tertanamnya nilai-nilai agama dalam diri anak-anak sehinggalah mampu membentuk ketaatan terhadap ajaran (perintah dan larangan) agama. Oleh itu, sebagai pemimpin utama dalam keluarganya, bapa bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak di rumah sebagai jihad pendidikan dan tidak menyerahkan sepenuhnya amanah ini kepada ibu atau isteri. Jika mampu, bapalah yang sewajarnya memulakan pengajian agama dan memantau akhlak anak-anak di rumah, dengan menyuburkan akidah yang benar, menegakkan ibadah yang syumul (seperti solat dan puasa) serta mengasuh anak-anak dengan adab Islamiah – berakhlak budiman terhadap ibu bapa, sanak saudara, guru, rakan taulan mahupun masyarakat sekeliling. Melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Perlu ditegaskan, pembentukan keperibadian anak-anak sangat erat pertautannya dengan penyuburan iman dan pencerahan akhlak Islamiah yang disemaisemarakkan melalui pendidikan agama. Kesyumulan budi pekerti dibentuk melalui nilai Islamik yang diterapkan dalam diri anak-anak, sejak dari awal kehidupan mereka. Oleh sebab pendidikan keagamaan mempengaruhi pembentukan keperibadian anak-anak, maka tatafikir dan tatalaku mereka dapat dikendalikan dengan akhlak Islamiah. Di sinilah terhunjamnya kepentingan tarbiah dan

dirasah Islamiah yang diterapkan dalam diri setiap anak. Justeru, ibu bapa tidak sepatutnya meletakkan sepenuhnya tanggungjawab untuk memberikan pendidikan agama kepada guru atau institusi sekolah sahaja. Sebaliknya, tarbiah dan dirasah Islamiah amat perlu diperkukuh sejak di rumah lagi kerana ibu bapalah guru pertama bagi anak-anak mereka sendiri (Mohd. Nizam Sahad Noraziah Ahmad Nadzim, 2016). Pendekatan ini mampu memberikan impak konstruktif terhadap anak-anak untuk memahami ilmu agama dan menghayati nilai agama dalam kehidupan seharian mereka. Dengan ini, terdapat tiga pendekatan penting yang sewajarnya dipraktikkan bapa (dan ibu) sebagai pendidik pertama dalam keluarganya iaitu memberikan teladan, membentuk kebiasaan dan menerapkan disiplin (ketegasan).

Sebaik-baik Nasihat Ialah Teladan

Bapa merupakan kebanggaan anak. Di mata anak-anak, bapa ialah wira segala wira. Sebagai adiwira, perwatakan bapa sangat membayangi perlakuan anak mereka. Apabila keadilan bertembung dengan kebaikan, bapa harus mengutamakan keadilan kerana bapa yang baik belum tentu adil; namun, bapa yang adil sudah semestinya baik. Dalam hubungan ini, memberikan teladan merupakan manhaj pendidikan yang paling mangkus dalam ranah pendidikan anak. Sebagai pemimpin keluarga, setiap tutur bicara dan tingkah laku bapa akan menjadi contoh kepada isteri dan anak-anak mereka. Ini bermakna, bapa perlu menunjukkan contoh yang baik terlebih dahulu, jika dia mahukan ahli keluarganya menuruti teladan yang ditunjukkannya. Jika bapa menginginkan anak dan isterinya mentaati perintah Allah (SWT), justeru bapa seharusnya terlebih dahulu mentaati perintah-Nya. Sebaik-baik nasihat adalah dengan teladan.

Rutin Seharian dan Suasana Persekitaran

Membentuk kebiasaan merupakan satu lagi kaedah penting dalam pendidikan, khasnya kepada anak-anak yang masih kecil. Mereka masih mentah untuk mengarifi selok-belok kehidupan duniawi. Tambahan pula, perhatian anak-anak selalu berubah mengikut pengalaman hidup dan persekitaran mereka. Pengaruh rakan sebaya dan persekitaran (apatah lagi teknologi internet, media maya dan media sosial) sangat besar terhadap sikap dan pemikiran anak-anak pada zaman digital ini. Mereka juga mudah terpengaruh dan ingin mencuba perkara-perkara baharu dan belum mampu berfikir secara kritis. Justeru, membentuk kebiasaan yang baik terhadap diri anak-anak sangat mustahak sehinggalah

terbentuknya kebiasaan yang baik dalam diri mereka. Biasakan yang baik dan baikan yang biasa.

Anak-anak yang telah dibiasakan dengan kewajipan agama sejak dari kecil lagi akan lebih terlindung daripada kemaksiatan dan kemungkaran. Contohnya, amalan membaca dan mentadaburi al-Quran selepas solat Maghrib secara istiqamah di rumah. Bapalah yang menjadi katalis amalan mulia ini sehinggalah ia dapat membentuk kebiasaan anak-anak untuk mendampingi kalamullah. Setelah mereka menanjaki usia remaja dan dewasa, ia telah menjadi sebatik dalam diri mereka. Persoalannya, andaikan pendekatan ini masih tidak berkesan, apakah langkah berikutnya?

Ketegasan dan Keseimbangan

Sesungguhnya, mendidik anak-anak dengan nilai-nilai agama bukanlah kerja mudah dan boleh dipandang mudah. Lantaran itu, bapa harus menggunakan pelbagai pendekatan yang bertepatan dengan ajaran Islam, termasuklah menggunakan ketegasan atau paksaan bagi memastikan anak-anak mereka tunduk patuh dengan perintah agama. Ketegasan atau paksaan merupakan disiplin manusiawi. Ia bukanlah keburukan atau kejahatan. Ketegasan merupakan lumrah dalam ranah pendidikan dalam semua peradaban manusia. Contohnya, bapa mengerahkan anak-anak agar bangun pada waktu Subuh untuk mengerjakan solat Subuh. Bapa akan menghukum anaknya (seperti merotan), jika mereka tidak menunaikan solat Subuh. Apabila menghukum, bapa seharusnya mendahulukan akal murninya, bukan nafsu amarahnya. Sekiranya mengingkari agama, bapa berhak memarahi (sebagai petanda mengasihi), tetapi janganlah sampai melepaskan kemarahan – buruk padahnya.

Ketegasan dalam ranah pendidikan anak-anak sebenarnya merupakan perintah Allah (SWT) yang wajib dipatuhi demi memastikan anak-anak tidak meremehkan dan mengabaikan perintah-Nya. Justeru, ketegasan sangat diperlukan untuk membentuk tafakkur dan tatakhlak anak-anak agar mereka tidak melampaui batasan agama dalam segala gerak-geri mereka. Sebaliknya, sikap terlalu memanjakan atau terlalu berlunak terhadap anak-anak akan merosakkan akhlak anak-anak mereka sendiri. Natiujahnya, anak-anak menjadi besar kepala, naik togang dan derhaka sehinggalah mengaibkan ibu bapa dan agamanya sendiri. Pengalaman adalah sebaik-baik guru kehidupan.

Kebebasan Berbatasan

Untuk memastikan anak-anak mentaati agama dan terhindar daripada anasir syaitanisme dalam segala bentuk dan caranya, memberikan didikan tanpa pengawasan tidaklah memadai. Setiap bapa perlu melaksanakan kawalan dan pantauan terhadap gerak-geri dan pergaulan mereka, seperti pembelajaran anak-anak, pelaksanaan ibadah dan pemurnian akhlak mereka. Memantau akhlak anak-anak di dalam rumah sangat penting bagi mencegah anak-anak daripada terjerumus dalam kefasiqan yang mengakibatkan kefasadan terhadap diri mereka sendiri. Sediakan payung sebelum hujan. Tindakan ini sewajarnya dilakukan dengan berpada-pada, bukannya terlampau ketat sehingga mengakibatkan jiwa anak-anak memberontak dalam diam.

Kajian ilmiah membuktikan para pelajar yang mendapat pengawasan dan pemantauan dalam setiap aktiviti mereka, didapati sangat kurang terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral (H.M. Abdullah Al-Hadi 1993). Kawalan turut menunjukkan keprihatinan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Keluarga ialah agen utama dalam aspek kawalan sosial yang mempunyai pengaruh terbesar terhadap proses sosialisasi dan pembentukan tingkah laku anak-anak. Justeru, sebagai pemimpin keluarga, bapa sewajarnya menitikberatkan pemantauan dan pengawasan tingkah laku dan pergaulan anak-anak agar tidak bercanggah dengan agama dan norma masyarakat. Jika kawalan dan pantauan diabaikan, ia boleh merosakkan keperibadian, hubungan kekeluargaan dan pegangan keagamaan anak-anak mereka sendiri. Dalam konteks ini, pengawalan dan pengawasan bukanlah bertujuan untuk mengongkong anak-anak, sebaliknya demi memastikan segala perlakuan dan kegiatan mereka tidak melanggar dan melampaui batasan agama.

Dengan berkembang pesatnya teknologi internet, peranan untuk memantau aktiviti dan pergaulan anak-anak menjadi semakin mencabar. Hari ini, pergaulan sesama manusia menjadi lebih mudah dan meluas – sukar dikawal – tanpa perlu keluar dari rumah. Hampir segala maklumat (benar atau salah, baik atau buruk) berada di hujung jari. Pergaulan sosial di alam maya boleh berlaku dengan rancaknya tanpa batasan waktu dan tempat. Pengaruh bobrokisme zaman digital ini sangat membimbangkan. Sehubungan itu, bapa seharusnya berwaspada dan mengawasi pengaruh mazmumah media sosial ke atas anak-anak, khasnya *facebook*, *tiktok*, *whatsapp*, *telegram*, *instagram* dan sebagainya. Andai bapa meremehkan keberbahayaan media sosial, anak-anak mereka sangat terdedah dengan persekitaran zaman

yang rosak lagi merosakkan. Malah, bagi ibu bapa yang sangat prihatin, mereka sendiri akan ikut serta secara aktif dengan aktiviti anak-anak dalam talian (Haslina et.al 2021), menerusi nuansa kemesraan dan saling percaya.

Nasihat, Teguran dan Peringatan

Dalam proses pentarbiahan Islam, tiga elemen pendidikan ini – peringatan, teguran dan nasihat – perlu diberikan perhatian serius agar anak-anak menjiwai kehidupan beragama. Kesemua elemen ini sewajarnya dilaksanakan secara berhikmah, bukannya berlebih-lebihan dan emosional, untuk memastikan segala tindak-tanduk mereka bertepatan dengan syarak, selain istiqamah untuk meneguhi amalan makruf dan menghindari amalan mungkar. Amalan memberikan peringatan, teguran dan nasihat dengan bijaksana (mengikut situasi dan pertimbangan rasional) mempunyai banyak kelebihan. Perlu diinsafi, jiwa anak-anak masih rapuh dan akal nya masih mentah lantas perlu dibentuk secara beransur-ansur. Pendekatan yang terbaik ialah kesederhanaan yakni tidak terlalu lunak dan tidak pula terlalu keras.

Keadilan Hukuman

Amalan terakhir yang wajar dipraktikkan bapa demi memastikan anak-anak mentaati dan menyetiaai kehidupan beragama adalah dengan memberikan hukuman edukatif, bukannya hukuman destruktif. Dalam konteks falsafah pendidikan Islam, hukuman diberikan untuk memberikan pengajaran terbaik kepada anak-anak tentang bahaya sesuatu perkara. Bentuk hukuman yang diberikan bergantung kepada keadaan, seperti merotan (untuk tujuan mendidik), mendenda (sebagai peringatan ampuh), memulau (menanggung risiko akibat melakukan perbuatan salah), membatalkan percutian dan sebagainya. Bagaimanapun, sebelum sesuatu hukuman dikenakan, nasihat dan peringatan harus diberikan terlebih dahulu agar anak-anak tidak mengulangi kesilapan yang sama atau menyalahkan ibu bapa yang menghukum mereka. Justeru, hukuman tidak akan dikenakan melainkan setelah anak-anak diberikan nasihat, teguran dan peringatan berulang kali, malah hukuman yang dikenakan tidaklah sewajarnya melampaui batas-batas syariat dan manusiawi.

Pegangan Keagamaan

Selain memberikan didikan dan bimbingan keagamaan, anak-anak perlu dipastikan sentiasa berada dalam persekitaran yang mesra agama. Lantaran itu, ibu bapa seharusnya memilih sekolah yang mendorong anak-anak mereka untuk terus konsisten melaksanakan dan mengamalkan ajaran agama, seperti sekolah agama. Sekolah agama tidak hanya membekalkan ilmu agama dan akademik secara seimbang, bahkan terlebih penting lagi, sekolah agama dipercayai dapat membentuk keperibadian Islamik dan melahirkan insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Sekolah agama berfungsi penting untuk membantu ibu bapa mendidik anak-anak menjadi generasi salih dan salihah menerusi pembentukan nilai dan persekitaran Islamik. Kurikulum pendidikan Islam diyakini merupakan satu-satunya kurikulum terbaik yang mampu mengasuh anak-anak secara seimbang (jasmani, rohani, emosi dan intelek) sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.

Fitnah Akhir Zaman

Dewasa ini, mendidik anak-anak menghayati akhlak Islamiah semakin getir. Perkembangan teknologi internet telah menjadikan anak-anak cenderung membuang masa dengan perkara yang sia-sia, seperti terlalu leka dengan permainan digital berjam-jam lamanya dan melayari internet tanpa batasan. Anak-anak turut terdedah dengan budaya hedonisme (hiburan liar) disebabkan oleh pengaruh telefon pintar dan teknologi internet yang mampu dimiliki oleh hampir setiap keluarga. Natiujahnya, anak-anak bukan sahaja terdedah kepada bahaya di luar rumah, malah bahaya yang paling berbahaya juga berada di dalam rumah. Inilah fitnah akhir zaman. Anak-anak terlalu ketagih dengan keseronokan semata-mata. Bapa (dan ibu) tidak sewajarnya berdiam diri, berpangku tangan berpeluk tubuh. Bahaya gelombang fitnah telah merempuh ke dalam setiap rumah.

Hasil kajian mendapati penggunaan teknologi (telefon pintar dan akses internet) tanpa batasan dan kawalan bukan sahaja merosakkan akhlak anak-anak, malah ia menjadikan mereka antisosial dan mengabaikan penghayatan nilai-nilai murni (Mohamad Khairi Othman et.al, 2016). Selain itu, mereka cenderung terjebak dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan akhlak dan sistem nilai yang ditanam dalam diri anak-anak (Nurzatil Ismah et.al 2021). Justeru, sebagai pemimpin keluarga, setiap bapa perlu memperbaiki pendekatan dalam pendidikan anak-anak seiring dengan perkembangan dan keperluan zaman. Ini bertujuan

untuk memastikan keberhasilan pendidikan anak-anak dapat dikecapi dan keharmonian keluarga dapat disubursemakkan. Justeru, pendidikan anak-anak pada zaman digital ini sangat memerlukan pendekatan makroskopik – kreativiti dan kritisisme – supaya mereka sentiasa berada atas landasan agamawi. Terpintal bersamanya, bapalah yang sewajarnya memikulgerakkan prakarsa proaktif, kohesif dan kontinuitif untuk meningkatkan kemahiran kepemimpinannya demi mengasuh, mengawal dan memantau disiplin anak-anak pada zaman digital ini (Hasri & Hasliza 2021).

Kesimpulan

Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya. Bagi memastikan anak-anak terdidik dengan nilai dan wejangan Islam secara holistik, setiap bapa sewajibnya berperanan penting untuk mendidik dan membimbing anak-anak mereka dalam gatra pendidikan Islamik sejak di rumah lagi; dengan menjalankan pemantauan dan pengawalan terhadap gerak-geri, tingkah laku dan pergaulan anak-anak serta memastikan anak-anak sentiasa berada dalam persekitaran harmonistik dan konstruktif. Dalam pada itu, kemahiran insaniah keibubapaan perlu dipelajari bagi melancarkan proses pendidikan anak-anak memandangkan ibu bapa tidaklah dibesarkan dalam zaman digital. Sementara itu, nilai ketegasan, kesungguhan, ketekunan dan kesabaran yang tinggi dan istiqamah sangat diperlukan oleh setiap bapa untuk mendidik anak-anak sehinggalah mereka benar-benar terdidik dan terasuh di bawah naungan Islam. Ingatlah, andai bapa cuai melaksanakan amanah-Nya, bapalah yang pertama merosakkan anaknya sendiri.

Rujukan

A. Yani. (2016). Pendidikan Agama Pada Anak Oleh Orang Tua : Tinjauan Psikologi Islam. *Jurnal Ilmu Agama: Mengkaji Doktrin, Pemikiran dan Fenomena Agama*. 14 (1).

Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. (2005). *Iḥyā' 'Ulūm Al-Dīn*. (Lubnān: Dār Ibn Ḥazm).

Haslina Mohamed Hassan, Mohd Azul Mohamad Salleh, & Abdul Latiff Ahmad. (2021). Keibubapaan Digital dan Mediasi Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Internet Remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 121–132.

Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali. (2021). Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital. *Online Jurnal Research In Islamic Studies*. 8 (2)

H.M. Abdullah Al-Hadi. (1993). Faktor-Faktor Keluarga Dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan Antara Penyalahguna Dadah Dengan Bukan Penyalahguna Dadah. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. 1 (1).

Mohamad Khairi Othman et al. (2016). Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan Dan Cabaran Dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. *Sains Humanika*. 8 (4–2).

Mohd. Nizam Sahad Noraziah Ahmad Nadzim. (2016). Pendidikan Akidah Terhadap Anak-Anak: Cabaran Ibu Bapa Dalam Perkembangan Sains Dan Teknologi Masa Kini. *Seminar Islam Dan Sains Peringkat Kebangsaan Teknorasi Islam Melestarikan Ummah*.

Al-Sa'dī, 'Abd al-Raḥman bin Nāṣir. (2002). *Taysīr al-Karīm al-Raḥman fī Tafsīr Kalām al-Mannān*. Riyadh: Dār al-Salām.

Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr ibn Yazid ibn Kathīr. (2000). *Jāmi' Al-Bayān Fī Ta'wīl Al-Qur'an*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.